



KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Merujuk kepada laporan akhbar bertarikh 7 September 2020, berhubung kemudahan Pengaturan Ulang Alik Berkala (*Periodic Commuting Arrangement*, PCA) bagi perjalanan rentas sempadan antara Malaysia-Singapura, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memberikan penjelasan lanjut mengenai pelaksanaannya.

Kemudahan PCA yang bermula pada 17 Ogos 2020 dan telah dibincang dan disepakati di antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Singapura di atas prinsip asas timbal balik (*reciprocity*), membolehkan rakyat Singapura dan Malaysia yang memegang pas lawatan sosial jangka panjang untuk tujuan perniagaan dan bekerja, melaksanakan perjalanan rentas sempadan antara kedua buah negara. Pelaksanaan skim PCA hanya melibatkan pergerakan rentas sempadan melalui Pintu Masuk Antarabangsa (PMA) laluan darat Johor-Singapura sahaja. Di bawah skim ini, setelah tinggal sekurang-kurangnya tiga (3) bulan berturut-turut di negara tempat individu tersebut bekerja, mereka boleh pulang ke negara asal untuk tujuan cuti pendek. Tempoh cuti pendek tersebut adalah sekitar 2 hingga 4 minggu dan ianya tertakluk kepada persetujuan serta ketetapan di antara individu (pekerja) dengan majikan. Selepas tamat tempoh cuti pendek, individu tersebut akan masuk semula ke negara tempat mereka bekerja untuk tempoh sekurang-kurangnya tiga (3) bulan yang seterusnya.

Rakyat atau penduduk tetap (*permanent resident*, PR) Malaysia berhasrat untuk pulang ke Malaysia untuk cuti pendek, perlu menunjukkan *PCA Pass* yang dikeluarkan oleh *Immigration and Customs Authority*, Singapura semasa kemasukan ke Malaysia. Di bawah skim ini, mereka diberikan pengecualian dari menjalani kuarantin wajib 14 hari di Stesen Kuarantin dengan syarat ujian PCR COVID-19 yang dijalankan dalam tempoh 24 jam selepas tiba di Malaysia adalah negatif. Walau bagaimanapun, sementara menunggu keputusan ujian PCR COVID-19 yang dijalankan, mereka perlu menjalani arahan kuarantin di kediaman (bagi individu yang tinggal di negeri Johor) atau di Stesen Kuarantin yang ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia (bagi individu yang tinggal di luar negeri Johor). Bagi individu yang ditempatkan di Stesen Kuarantin, mereka perlu menanggung sepenuhnya kos kuarantin tersebut berdasarkan kos yang telah dipersetujui.

Seterusnya, rakyat atau penduduk tetap (*permanent resident*, PR) Singapura yang memasuki semula Malaysia selepas menjalani cuti pendek di negara asal di bawah skim ini, perlu mengemukakan bukti memiliki *MyTravelPass* yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia dan perlu menjalani arahan kuarantin selama tujuh (7) hari di rumah kediaman / penginapan yang disediakan oleh pihak majikan (bagi individu yang bekerja di negeri Johor) atau di Stesen Kuarantin yang ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia (bagi individu yang bekerja di luar negeri Johor). Perintah Pengawasan dan Pemerhatian di bawah Seksyen 15 (1) Akta 342 akan diberikan kepada mereka dan individu ini akan dipakaikan dengan gelang tangan pengawasan sepanjang tempoh tersebut. Tempoh kuarantin bagi individu di bawah kategori ini adalah berdasarkan persetujuan yang dicapai di antara Malaysia dan Singapura khusus di bawah skim PCA, dan lebih bersifat kelonggaran dan

bukannya pengecualian – iaitu kelonggaran dari segi tempoh menjalani kuarantin yang telah dipendekkan. Bagi individu yang ditempatkan di Stesen Kuarantin, mereka perlu menanggung sepenuhnya kos kuarantin tersebut berdasarkan kos yang telah dipersetujui. Individu berkenaan akan seterusnya dilepaskan dari menjalani arahan kuarantin sekiranya ujian PCR COVID-19 yang dijalankan pada hari ke-5 didapati negatif dan setelah selesai menjalani tempoh tujuh (7) hari kuarantin yang ditetapkan.

Semua individu yang melakukan perjalanan di bawah skim PCA ini perlu memenuhi syarat yang ditetapkan dan mematuhi langkah pencegahan kesihatan awam berhubung COVID-19 yang telah disepakati oleh kedua-dua negara, termasuk keperluan untuk menjalani ujian pengesanan yang berkaitan. Untuk makluman juga, KKM akan terus memantau pelaksanaan skim PCA ini dan penilaian semula pencapaian pelaksanaannya serta risiko penularan jangkitan akan dilakukan dari semasa ke semasa.

DATO' SRI DR. ADHAM BABA
Menteri Kesihatan Malaysia

7 September 2020